



SIARAN AKHBAR

PENYALAHGUNAAN NAMA DAN LOGO AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah baru-baru ini mendapati satu surat yang kononnya telah dikeluarkan oleh pihak AMBD lengkap dengan nama dan logo AMBD yang tersebar luas di media sosial.
2. Pihak AMBD ingin menjelaskan bahawa surat tersebut bukanlah sahih dan ingin menegaskan perkara-perkara berikut:
 - 2.1 Sesiapa yang menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran AMBD yang serupa tanpa kebenaran bertulis *atau* menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran AMBD yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau gambaran AMBD untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan adalah melakukan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010, dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi \$20,000, penjara tidak melebihi tujuh (7) tahun, atau kedua-duanya sekali; dan
 - 2.2 Sesiapa yang sama ada secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa jua cara lain, menyebarkan berita-berita palsu atau membuat kenyataan-kenyataan palsu yang mungkin menyebabkan orang ramai takut atau gundah gulana adalah melakukan kesalahan di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam (*Public Order Act*), Penggal 148, yang boleh membawa hukuman denda sebanyak \$3,000 dan penjara selama tiga (3) tahun.
3. Orang ramai dinasihatkan untuk berwaspada apabila menerima mana-mana surat atau mesej memohon pembayaran atau butiran peribadi, yang seolah-olahnya datang daripada AMBD, dengan menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran AMBD. Jika menerima surat dari AMBD yang disyaki palsu, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui talian 2388388 atau melalui emel info@ambd.gov.bn.

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: Rabiulakhir 1441/ Disember 2019

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), selaku bank pusat Negara Brunei Darussalam, mempunyai empat (4) objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.